

# [TRANSFORMATION OF THE OTTOMAN FLEET UNDER THE LEADERSHIP OF HAYREDDIN BARBAROSSA 16TH CENTURY]

## TRANSFORMASI ARMADA AL-'UTHMANIYYAH DI BAWAH PIMPINAN HAYREDDIN BARBAROSSA PADA ABAD KE-16M

*Fatimah Az Zahra Mughni*  
*P116038@siswa.ukm.edu.my*

*Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

*Ermy Azziaty Rozali*  
*ermy@ukm.edu.my*

*Institute of Islam Hadhari & Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization,  
Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

*Ezad Azraai Jamsari*  
*ezad@ukm.edu.my; eajsti@gmail.com*

*Research Centre for Arabic Language and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

### Abstrak

Kerajaan al-'Uthmaniyyah memberikan perhatian besar terhadap aktiviti perluasan kuasa dan perkembangan bidang ketenteraan laut. Kepimpinan Hayreddin Barbarossa menjadi salah satu sumber kekuatan ketenteraan armada al-'Uthmaniyyah selepas beliau mula berkhidmat sebagai Panglima Tentera Laut al-'Uthmaniyyah secara rasmi pada tahun 1533M. Artikel ini bertujuan menganalisis latar belakang Hayreddin Barbarossa yang membentuk sifat kepimpinannya selain meneliti transformasi armada al-'Uthmaniyyah di bawah pimpinan Hayreddin Barbarossa. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan mengaplikasi analisis dokumen melalui sumber-sumber primer dan sekunder yang terpilih. Maklumat yang diperolehi kemudiannya disusun secara analisis tematik mengikut objektif yang telah ditetapkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemuncak kegemilangan armada al-'Uthmaniyyah pada awal abad ke-16M berkait rapat dengan sifat kepimpinan Hayreddin Barbarossa sehingga membolehkan laut Mediterranean berada di bawah pemerintahan al-'Uthmaniyyah untuk tempoh yang lama. Beliau juga mendapat kepercayaan para sultan dan penduduk serta memperoleh banyak kemenangan dalam pertempuran. Berlaku perubahan yang signifikan dalam bidang ketenteraan al-'Uthmaniyyah khususnya dalam struktur organisasi, pusat pengoperasian armada al-'Uthmaniyyah serta teknologi peperangan yang digunakan. Namun begitu, berlaku kemerosotan sedikit demi sedikit dalam organisasi dan pengurusan armada al-'Uthmaniyyah selepas kematian Hayreddin Barbarossa pada tahun 1546M.

**Kata Kunci:** *Hayreddin Barbarossa; transformasi; kepimpinan; armada; abad ke-16M*

### Abstract

*Ottoman Government concentrated to the activities of power expansion and the development of the naval sector. Hayreddin Barbarossa's leadership became one of the main sources of the Ottoman fleet's military strength after he officially began serving as naval commander in 1533 AD. This article aims to analyze the background of Hayreddin Barbarossa which shaped his leadership and the transformation in Ottoman fleet. This study is carried out by using a qualitative approach and applying document analysis through selected primary and secondary sources. The information obtained is then organized in a thematic analysis according to the objectives. The research findings show that*

*the Ottoman fleet's peak of the glory is at the beginning of the 16th century, closely related to the Hayreddin Barbarossa's leadership, allowing the Mediterranean sea to be under Ottoman rule for a long period of time. He also gained the trust of the sultan, the people and won various battle. There were significant changes in the Ottoman military field, especially in the organizational structure, operating center of the Ottoman fleet and the technology used during war. However, there was a gradual decline in the organization and management of the Ottoman fleet after Hayreddin's death in 1546 AD.*

**Keywords:** *Hayreddin Barbarossa; transformation; leadership; the fleet; 16th century*

Article Received:  
10 April 2023

Article Reviewed:  
8 August 2023

Article Published:  
29 September 2023

## PENGENALAN

Bidang ketenteraan merupakan antara aspek yang menyumbang kepada keutuhan dan kestabilan sesebuah kerajaan selain daripada aspek politik, ekonomi dan sosial serta mempunyai kaitan rapat yang mencerminkan kemegahan pemerintahan sesebuah kerajaan. Kekuatan aspek ketenteraan dan pengurusan yang sistematik berupaya menjamin kesejahteraan sesebuah pemerintahan dan pada masa yang sama dapat memacu kepada pembangunan ekonomi, peningkatan sosial dan keutuhan kuasa politik. Dalam lipatan sejarah al-'Uthmaniyyah pada awal abad ke-16M, Hayreddin Barbarossa mencatatkan sejarah yang sangat penting bukan sahaja dalam Kerajaan al-'Uthmaniyyah bahkan dalam rekod Islam juga kerana beliau berjaya menjadikan Laut Mediterranean sebagai pangkalan utama gerakan ketenteraan laut al-'Uthmaniyyah sekali gus menjamin keselamatan orang Islam dan kegiatan ekonomi yang dijalankan di laluan berkenaan.

Pada abad ke-16M, selain daripada perkembangan struktur organisasi dan kekuatan tentera darat, armada al-'Uthmaniyyah juga tidak ketinggalan dalam membentuk sebuah pasukan yang kuat sehingga digeruni musuh Islam khususnya bangsa Kristian. Bertitik tolak daripada pernyataan tersebut, Saim Anil Karzek (2021) dalam tesis sarjananya bertajuk *Ottoman Corsairs in the Central Mediterranean and the Slave Trade in the 16th Century* memperincikan, sumber kekuatan ketenteraan armada al-'Uthmaniyyah salah satunya di dorong oleh kewibawaan seorang pemimpin iaitu Hayreddin Barbarossa. Hayreddin Barbarossa mula berkhidmat sebagai Panglima Tentera Laut al-'Uthmaniyyah secara rasmi pada tahun 1530an memikul tanggungjawab mengembangkan lagi teknologi maritim daripada para ilmuan seperti Piri Reis. Armada di bawah pimpinan beliau juga telah berjaya menubuhkan kekuatan tentera laut al-'Uthmaniyyah yang tiada tandingan dan menguasai perairan Laut Mediterranean sepenuhnya untuk satu tempoh masa yang lama.

Berkesinambungan daripada pernyataan di atas, Gabor Agoston (2022) dalam artikelnya yang bertajuk *Ottoman Military and Naval Power in Comparative Perspective: Before and After Lepanto* menyatakan bahawasanya armada al-'Uthmaniyyah pada kurun ke-16M menunjukkan perkembangan yang proaktif berbanding kurun-kurun sebelumnya dan berjaya menjadi armada terkuat yang pernah dimiliki sepanjang pemerintahan Kerajaan al-'Uthmaniyyah. Kehebatan dan keunggulan yang dikecapi tidak hanya bergantung kepada kualiti kapal dan teknologi yang digunakan sahaja bahkan armada al-'Uthmaniyyah juga mempunyai sistem organisasi dan pengurusan sumber manusia yang sangat cekap sehingga membolehkan mereka menambah bilangan kapal, artileri serta mampu meningkatkan pertahanan negara dalam jangka masa yang singkat. Mereka juga pantas memperbaiki kelemahan yang dimiliki dan beradaptasi dengan perubahan yang berlaku.

Perkembangan dan kemajuan bidang ketenteraan memainkan peranan yang sangat penting dalam menjaga keselamatan penduduk dan kesejahteraan negara.

Kerajaan al-'Uthmaniyyah yang giat menjalankan kegiatan perluasan kuasa di wilayah-wilayah baharu sentiasa berhadapan dengan risiko serangan daripada Kristian yang cuba menghalang daripada tersebarnya pengaruh Islam di kawasan mereka. Seruan jihad membantu saudara Islam menjadi pegangan utama kepada Hayreddin untuk membebaskan mereka daripada penganiayaan dan penindasan kaum Kristian. Dengan daya kepimpinan yang unggul, Hayreddin Barbarossa berhasil melakar kemenangan demi kemenangan di medan pertempuran.

Bagi menjalankan kajian ini, kaedah kualitatif dipilih dengan menekankan penganalisan terhadap kandungan bahan-bahan yang berkaitan. Setiap maklumat diambil daripada sumber-sumber terpilih dan berautoriti sebelum dikumpulkan untuk membuat kesimpulan mengenai kajian yang dijalankan. Pengumpulan maklumat dan data diambil berdasarkan kepada sejarah al-'Uthmaniyyah khususnya dalam bidang ketenteraan laut semasa Hayreddin berkhidmat di bawah pemerintahan Sultan Suleyman al-Qanuni. Di samping itu, maklumat-maklumat penting mengenai latar belakang kehidupan Hayreddin Barbarossa sebelum dan selepas dilantik menjadi panglima tentera laut serta kekuatan ketenteraan yang dilaksanakan dalam armada al-'Uthmaniyyah turut disertakan dalam kajian.

Pengumpulan maklumat juga dibuat melalui analisis kandungan dua sumber utama iaitu sumber primer dan sekunder. Antara sumber primer terpenting yang digunakan pengkaji dalam kajian ini ialah, kitab *Gazavat-i Hayreddin Pasa* karya Seyyid Muradi Reis (t.th.) serta *Kitab-i Bahriyye Jilid 1* dan *Kitab-i Bahriyye Jilid 2* hasil penulisan ahli kartografi terkenal, Piri Reis (t.th.). Buku-buku ini menjadi sumber utama dalam penyelidikan mengenai Hayreddin Barbarossa bagi mendapatkan maklumat mengenai latar belakang kehidupannya, ciri-ciri kepimpinannya dan mengenal pasti sejauh manakah transformasi ketenteraan yang diaplikasikan beliau berupaya membawa kejayaan dalam setiap siri peperangan yang pernah disertainya. Data-data ini juga disusun mengikut objektif yang telah ditentukan agar setiap persoalan dapat dirungkai. Analisis tematik digunakan dalam penulisan ini bagi membolehkan setiap perincian dibuat mengikut tema yang bersesuaian.

## TINJAUAN LITERATUR

Hayreddin Barbarossa digambarkan sebagai seorang panglima tentera laut yang bijaksana kerana semasa berkhidmat sebagai panglima sekali gus pemerintah Algeria, ciri-ciri kepimpinannya sangat terserlah. Menurut Isom-Verhaaren (2007), beliau menyatakan kehebatan kepimpinan Hayreddin menjadi sebab Sultan Suleyman I melantiknya menjadi panglima tentera laut pada 1533M untuk menjaga Wilayah Algeria. Beliau telah melakukan banyak perubahan terutama sekali dalam bidang ketenteraan dan pertahanan kerajaan. Atcil (2015), Ladja dan Bensaid (2014), Mercieca (2010), Casale (2010) serta Howard (2017) bersetuju bahawasanya kemenangan beliau ini didorong oleh faktor daya kepimpinan dan penyusunan strategi yang baik.

Shaw (1976) juga ada menyentuh mengenai pertempuran laut yang pernah berlaku dalam sejarah Kerajaan al-'Uthmaniyyah yang melibatkan Hayreddin Barbarossa namun hanya pertempuran Preveza sahaja yang diceritakan dengan terperinci dalam penulisannya. Sebelum kedatangan Hayreddin Barbarossa, organisasi angkatan laut al-'Uthmaniyyah masih belum diperkemas dan tidak mempunyai perancangan yang baik. Namun, selepas pelantikan Hayreddin Barbarossa, pelbagai pembaharuan telah diperkenalkan dan dirangka untuk menguatkan lagi sistem ketenteraan laut al-'Uthmaniyyah.

Antara isu utama yang melingkari hubungan al-'Uthmaniyyah dan Algeria adalah pengambilan tentera dalam kalangan kaum muda yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan tempat. Isu ini diangkat oleh penulis bagi mengenal pasti sejauh manakah tindakan yang diambil ini dapat menjamin keselamatan Kerajaan al-'Uthmaniyyah dan

Algeria memandangkan Algeria menjadi pangkalan utama kekuatan tentera laut al-'Uthmaniyyah semasa berada di bawah pimpinan Hayreddin Barbarossa (Meriem & Derradj, 2021).

Hergul (2019), Bostan (2007) dan Imber (1996) menambah, Hayreddin juga terlibat secara langsung dalam pembuatan kapal dan amat menekankan teknologi persenjataan seperti senapan dan meriam. Ilmu kartografi, geografi dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan pelayaran lain juga turut diberi perhatian. Merighi (2020) menulis, selain daripada penggunaan teknologi, kepimpinan dan kebijaksanaan Hayreddin Barbarossa menjadi penyumbang utama kemenangan mereka dalam Perang Preveza, salah satu peperangan laut terbesar yang berlaku di Laut Mediterranean pada abad ke-16M. Gurkan (2012) juga menyebut tentang kepakaran Hayreddin Barbarossa menggunakan pengintip dan menjalin diplomasi rahsia sebagai alat yang berkesan dalam peperangan.

Sebahagian besar sumber kekuatan Hayreddin adalah daripada barisan tenteranya. Semasa zaman berkenaan, tenaga manusia menjadi satu keperluan dalam peperangan. Justeru, untuk menambah tenaga manusia sedia ada, para tawanan dijadikan hamba untuk mendayung kapal-kapal perang (Karzek, 2021). Namun, Pedani (2017) menjelaskan peperangan yang panjang juga telah menyebabkan keadaan hamba sebagai pendayung kapal menjadi lemah dan menjejaskan pasukan pendayung kapal al-'Uthmaniyyah dalam peperangan.

Kesimpulannya, berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas, kajian ini amat penting untuk diketengahkan kerana masih belum ada kajian yang mengupas mengenai kekuatan ketenteraan Hayreddin Barbarossa dalam armada al-'Uthmaniyyah secara spesifik. Sungguhpun terdapat penyelidikan lepas yang menyentuh secara langsung atau tidak langsung perihal kajian yang dijalankan tetapi skop perbahasan masih berbeza. Kebanyakan kajian lepas lebih tertumpu kepada tentera darat berbanding tentera laut atau hanya menyentuh konsep tentera al-'Uthmaniyyah secara umum sahaja. Penyelidikan berkaitan dengan tentera laut lebih-lebih lagi perkembangan dan transformasi yang dibuat dilihat tidak serancak penelitian yang dijalankan terhadap tentera darat.

## LATAR BELAKANG HAYREDDIN BARBAROSSA

Nama sebenar seorang panglima tentera agung dalam sejarah Islam ini adalah Hizir atau Khidir (حضر). Manakala kurniaan nama '*Hayreddin*' (خير الدين) ini dilihat memiliki perbezaan pendapat antara para sejarawan. Sebahagian menulis gelaran '*Hayreddin*' diberikan oleh Sultan Selim I seperti Derradj (2012) manakala Wilson (2019) menyebut Sultan Suleyman I yang mengurniakan gelaran tersebut kepadanya. Sementara itu, terdapat juga sejarawan seperti Klarer (2019) yang menulis nama Hayreddin dengan tulisan '*Chaireddin*' dan Shaw (1976) menulisnya dengan '*Hayruddin*'. Abulafia (2011) dan Mitos (2016) juga menyebutkan perkara yang sama iaitu Sultan al-'Uthmaniyyah telah mengurniakan gelaran '*Protector of the Faith*', *Khayr-ad-Din* atau di dalam bahasa Turki '*Hayrettin*.' Dalam bahasa Sepanyol, gelaran terhormat ini juga dieja seperti *Cheredin*, *Hayredin* atau *Jeredin Barbarroja* (Wilson, 2019).

Gelaran '*Barbarossa*' (dalam bahasa Itali) diperoleh bersempena dengan jambang dan janggutnya yang berwarna merah keperangan (Mitos, 2016). Tetapi Abulafia (2011) menjelaskan bahawasanya janggut dan jambang Hayreddin bukan berwarna merah pada asalnya tetapi beliau telah mewarnakannya menjadi merah seperti abangnya, Oruc bagi menegaskan kepada para pengikut dan musuh bahawasanya beliau adalah pengganti Oruc selepas Oruc meninggal dunia dalam satu pertempuran. Merighi (2020) pula menambah, selepas beroleh kejayaan menawan Algeria pada tahun 1516M, Hayreddin telah mendapat kepercayaan daripada penduduk Algeria dan Muslim Al-Andalus yang diselamatkan. Oleh itu, Kerajaan al-'Uthmaniyyah tidak memiliki masalah untuk memberikan mandat kepada

Hayreddin bagi memerintah negara di Afrika Utara tersebut. Pada masa inilah Hayreddin memperoleh nama panggilannya Barbarossa (Janggut Merah) daripada orang Eropah.

Hayreddin Barbarossa dilahirkan di Mytilene, Lesbos semasa wilayah tersebut berada di bawah pemeritahan Sultan Muhammad al-Fateh atau turut dikenali dengan Sultan Mehmed II. Baginda berjaya menakluk wilayah tersebut daripada Duke Itali, Niccolo Giustiniani (Abulafia, 2011; Shaw, 1976; Soucek, 2012; Az Zuhairi, 2016). Sebahagian sejarawan seperti Gurkan (2006) menyebut tempat lahir Hayreddin sebagai Lesbos kuno, sebuah Kepulauan Yunani yang terletak di Laut Aegean. Berkenaan dengan tarikh kelahirannya pula, beberapa sarjana telah mengemukakan pendapat yang berbeza antara satu sama lain seperti Derradj (2012) menyatakan tarikh kelahirannya adalah pada tahun 1472M, manakala Kiel (2018) menulisnya pada tahun 1478M dan Hamadi (2009) pula menyatakan beliau lahir pada sekitar tahun 1483M. Walaupun berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan sejarawan, dapat disimpulkan bahawasanya Hayreddin Barbarossa hidup dalam tempoh pemerintahan empat orang Sultan al-'Uthmaniyyah iaitu Sultan Mehmed II, Sultan Bayezid II, Sultan Selim I dan Sultan Suleyman I.

Disebabkan tempat lahir Hayreddin merupakan salah sebuah wilayah yang dibuka oleh Kerajaan al-'Uthmaniyyah dalam kempen perluasan kuasa Islam, perbincangan mengenai jalur keturunannya menjadi tarikan kepada para penyelidik sama ada penyelidik lama mahupun kontemporari untuk menelitinya. Menurut Wilson (2019), sumber Kristian menggambarkan Hayreddin sebagai orang Yunani kerana ibu dan bapa beliau berbangsa Yunani. Catatan Turki pula menyebut Hayreddin berketurunan Turki dan terdapat catatan British yang menulis Hayreddin berketurunan Albania. Hayreddin juga mempunyai empat orang adik beradik lelaki yang turut sama mengendalikan aktiviti dan hal ehwal laut di bawah pengawasan bapanya iaitu Oruc, Ishak, Ilyas dan Hayreddin sendiri (Derradj, 2012). Selain itu, Hayreddin juga dikurniakan seorang anak yang meneruskan legasinya selepas beliau meninggal di dalam angkatan laut al-'Uthmaniyyah bernama Hasan Pasha (Az-Zuhairi, 2016).

Hampir seluruh kehidupan Hayreddin Barbarossa diabdikan untuk mengangkat pangi jihad melawan musuh dan mempertahankan agama Islam. Menurut Hamadi (2009), Hayreddin Barbarossa meninggal dunia pada tahun 953H bersamaan dengan tahun 1546M pada usia 63 tahun. Pada waktu tersebut, Sultan Suleyman al-Qanuni masih menduduki takhta Kerajaan al-'Uthmaniyyah. Apabila Hayreddin meninggal dunia, seorang arkitek terkenal al-'Uthmaniyyah, Sinan ditugaskan untuk membina *türbe* atau makam untuknya di *iskele* (dok / limbungan kapal) yang terletak di Beşiktaş yang menghala ke Selat Bosphorus. *Iskele* ini kemudiannya menjadi tempat berkumpulnya *Donanma-yı Humayun* (tentera laut al-'Uthmaniyyah) untuk memohon berkat sebelum berlepas bagi sebarang kempen ketenteraan di Mediterranean (Hamadi, 2009; Soucek, 2012).

### **Gerakan Membantu Muslim al-Andalus**

Dalam menyelami sejarah dan karier Hayreddin Barbarossa, penyelidik perlulah memberikan fokus terhadap gerakan jihad yang dijalankan oleh Hayreddin dan abangnya, Oruc di al-Andalus. Peristiwa ini amat penting kerana bantuan yang dihulurkan kepada Muslim di sana merupakan satu inisiatif mereka sendiri kerana pada saat itu, Kerajaan al-'Uthmaniyyah belum merekrut Hayreddin Barbarossa mahupun abangnya sebagai panglima tentera laut rasmi Kerajaan al-'Uthmaniyyah. Segala kekuatan berupa kapal, tenaga manusia dan sebagainya adalah hasil usaha bertahun-tahun menjalankan perdagangan dan misi menegakkan akidah Islam melawan Kristian.

Tempoh yang dibincangkan dalam bahagian ini melibatkan perluasan pemerintahan Kristian ke dalam wilayah yang sebelum ini berada di bawah pemerintahan Islam: Sepanyol, Sicily dan Levant. Wilayah-wilayah ini mengalami ketidakstabilan politik akibat perselisihan dan perbezaan anutan agama. Persaingan kuasa antara Islam dan Kristian ini

telah membawa perubahan secara radikal ke wilayah-wilayah berkenaan. Kejatuhan Kerajaan Banu Umayyah di al-Andalus menjadi satu noda hitam kepada umat Islam di seluruh dunia. Kejadian tragis yang menimpa bumi tersebut telah melenyapkan kehebatan dan kecanggihan pemerintahan mereka yang diasaskan oleh 'Abd al-Rahman al-Dakhil. Ratu Isabella I dan Raja Ferdinand II telah mengakhiri pemerintahan umat Islam al-Andalus selama lapan abad di Semenanjung Iberia pada tanggal 31 Disember 1491M bersamaan 897H. Walaupun berlakunya kejatuhan di Granada, umat Islam di sana masih kuat berpegang kepada akidah walaupun dianiaya dan diseksa oleh orang Kristian (A. Rahman, 2011).

Pendudukan orang Sepanyol dan Portugal di pantai negara-negara Afrika Utara telah menimbulkan perasaan dendam orang-orang al-Andalus terhadap mereka. Konflik yang tidak berkesudahan dan semakin kritikal itu telah menarik sejumlah besar pelaut al-'Uthmaniyyah ke wilayah berkenaan untuk membantu saudara-saudara mereka. Gerakan jihad maritim terus dilancarkan. Sebahagian penyelidik menulis, bagi memastikan kejayaan membantu saudara-saudara Islam yang tertindas di sana, pelaut al-'Uthmaniyyah yang dipimpin oleh Barbarossa bersaudara berganding bahu dengan orang Islam al-Andalus bagi mendapatkan maklumat tepat tentang keadaan dan selok belok pantai di Sepanyol serta kelemahan tentera Kristian (Derradj, 2012).

Hayreddin Barbarossa dan Oruc Barbarossa tidak melengahkan masa bagi mengeluarkan orang-orang Islam di sana daripada kepompong penindasan yang dikepalai oleh Ratu Isabella I dan Raja Ferdinand II. Perancangan disusun rapi bagi menjamin kejayaan misi bantuan kemanusiaan tersebut. Disebabkan jumlah mereka yang ramai dan kekangan jumlah kapal yang dimiliki oleh Barbarossa Bersaudara, pemindahan tidak dapat dibuat sekali gus tetapi perlu secara berperingkat. Justeru, Derradj (2012) menulis, Hayreddin dan Oruc menyelamatkan saudara-saudara Islam al-Andalus dengan memindahkan mereka dari pantai Sepanyol ke Afrika Utara. Hayreddin dan Oruc berhasil melancarkan 33 serbuan ke pantai Sepanyol. Sekurang-kurangnya, seramai 70,000 Muslim al-Andalus telah diselamatkan dan dibawa ke Algeria.

Rakyat al-Andalus, pelarian dari keruntuhan Islam Sepanyol yang sering dirujuk dalam sumber Eropah sebagai bangsa 'Moors' adalah satu kumpulan penting dan merupakan golongan elit di Algeria. Mereka yang datang ke Algeria kebanyakannya terdiri daripada golongan *mu'allim*, arkitek, pedagang, pengeluar sutera dan tekstil serta lain-lain lagi (McDougall, 2017). Menurut Derradj (2012) dalam bukunya *al-Dukhul al-'Uthmani ila al-Jaza'ir wa Dawr al-Ikhwah Barbaros*, Muslim al-Andalus ini memainkan peranan penting dalam pengukuhan kuasa Barbarossa bersaudara di Algeria. Salah satunya adalah, mereka menyumbang kepada kestabilan kehadiran pengaruh al-'Uthmaniyyah di Algeria. Mereka menjadi sekutu utama dan pertama al-'Uthmaniyyah di sana sama ada dalam menghadapi orang Kristian Sepanyol atau dalam menghapuskan gerakan pemberontakan yang dipimpin oleh pemimpin tempatan terhadap kehadiran al-'Uthmaniyyah di Algeria.

Lantaran perasaan terhutang budi dan syukur atas bantuan yang telah diberikan kepada mereka, Muslim al-Andalus akhirnya menjadi pengikut yang setia kepada Barbarossa bersaudara. Mereka saling bantu membantu, sentiasa menawarkan diri dan sanggup menunaikan segala arahan yang diberikan. Walaupun selepas Oruc Barbarossa meninggal dunia, mereka masih mematuhi dan menghormati Hayreddin Barbarossa selaku pengganti Oruc di Algeria (Derradj, 2012). Kesetiaan para pengikut Hayreddin ini juga memberikan satu nilai tambah kepada Kerajaan al-'Uthmaniyyah kerana mereka dapat mempercepat proses perekrutan dan latihan tentera. Situasi yang bergolak antara orang Islam dan Kristian amat memerlukan kepada pasukan tentera laut yang kuat untuk menjaga perairan kerajaan daripada diceroboh.

Walaupun dalam bahagian ini gerakan jihad di al-Andalus diketengahkan menjadi topik utama, tidak bermakna gerakan jihad Hayreddin Barbarossa di tempat lain kurang pentingnya untuk dibahaskan. Pemilihan wilayah ini menjadi salah satu titik permulaan kekuatan Hayreddin Barbarossa meneruskan perjuangan untuk misi seterusnya. Selain

daripada pengikut setia yang sedia ada, penambahan pengikut setia dalam kalangan penduduk al-Andalus yang diselamatkan adalah satu petanda baik kerana kehadiran mereka menyumbang kepada penubuhan armada al-'Uthmaniyyah yang kuat dan pernah wujud dalam sejarah kerajaan berkenaan.

## TRANSFORMASI ARMADA AL-'UTHMANIYYAH DI BAWAH HAYREDDIN BARBAROSSA PADA ABAD KE-16M

### Struktur Organisasi Armada al-'Uthmaniyyah

Penubuhan tentera al-'Uthmaniyyah sememangnya bermula dengan tentera darat kerana pada masa tersebut darat menjadi medan pertempuran utama pertembungan kuasa berbanding di laut. Angkatan tentera darat al-'Uthmaniyyah berkembang saban kurun daripada sebuah pasukan nomad bersaiz kecil sehinggalah akhirnya berjaya mendirikan sebuah kerajaan yang besar. Seiring berkembangnya kegiatan dakwah Islam di seluruh dunia, ramai anggota masyarakat daripada golongan bukan Islam memeluk Islam sekali gus menambahkan bilangan tentera al-'Uthmaniyyah.

Seperti yang disebut oleh Shaw (1976), untuk menubuhkan sebuah angkatan tentera laut, Kerajaan al-'Uthmaniyyah mengambil sedikit masa sebelum membangunkan struktur dan organisasi yang mempunyai tahap setanding dengan angkatan tentera daratnya. Hal ini disebabkan oleh pertempuran di darat menjadi asas kepada perluasan kuasa al-'Uthmaniyyah. Tambahan lagi, tentera laut tidak memainkan peranan yang terlalu penting selain daripada hanya mempertahankan keselamatan di selat dan pantai serta mengangkut para tentera. Tentera darat memegang sebahagian besar jawatan penting dan mempunyai pangkat serta kuasa yang tinggi seperti pegawai dan sebagainya. Mereka juga berpeluang menikmati hasil kewangan yang besar daripada peperangan yang dimenangi. Namun begitu, struktur organisasi dan pentadbiran angkatan tentera laut al-'Uthmaniyyah semakin berkembang secara beransur-ansur dengan menjadikan contoh model kapal Venice dan Genoa sebagai rujukan. Mereka juga sering menggunakan istilah-istilah tentera laut Itali dalam kegiatan ketenteraan. Sistem angkatan tentera laut al-'Uthmaniyyah ini berjaya dikemaskini dan dibangunkan sepenuhnya di bawah pimpinan Hayreddin Barbarossa dan diteruskan oleh penggantinya pada akhir abad ke-16M.

Menurut Fleet et al. (2021) dalam *The Encyclopaedia of Islam Three, Kapudan Pasa (Qapudan Paşa)* ialah gelaran tertinggi Panglima Laut al-'Uthmaniyyah dan juga memegang kuasa sebagai Gabenor Wilayah Cezayir-i Bahr-i Sefid (Jaza'ir-i Bahr-i Safid - Kepulauan Aegean). Gelaran ini diperolehi daripada dialek Venice iaitu '*capitan*', '*kapudan*' lalu digunakan oleh al-'Uthmaniyyah untuk merujuk kepada 'komander tentera laut' sejak pertengahan abad ke-15M dan seterusnya. Tentera laut al-'Uthmaniyyah pada mulanya diuruskan oleh seorang panglima bernama Saruca Pasha, sancakbeyi (gabenor daerah) di Gallipoli. Beliau meninggal sebelum tahun 1405M dan pernah berkhidmat di bawah Sultan Bayezid I. Saruca Pasha ditugaskan oleh Sultan Bayezid I (1389M-1402M) untuk membina limbungan kapal dan menyediakan persiapan armada al-'Uthmaniyyah di Gallipoli. Sejak tempoh itu hingga ke zaman Hayreddin Barbarossa, semua *kapudan* akan dirujuk sebagai '*gelibolu emiri ve kapudanı*' (panglima dan kapten gallipoli) atau '*emir-i derya ve kapudanı*' (panglima tentera laut dan kapten) dan mereka dibenarkan beroperasi secara bebas.

Shaw (1976) menambah, gelaran bagi jawatan tertinggi panglima laut al-'Uthmaniyyah ini telah melalui beberapa evolusi iaitu pada awalnya disebut dengan *derya bey (Bey of the Sea)*, kemudiannya mereka mula mengambil istilah daripada Itali seperti '*kaptan*' atau '*kapudan paşa*'. Akhir sekali, pada awal abad ke-16M tentera laut al-'Uthmaniyyah menukarnya dan beralih kepada gelaran yang lebih moden iaitu '*kapudan-i derya*' atau '*kaptan-i derya*' yang bermaksud 'kapten laut atau panglima agung.' Pemegang

pertama bagi jawatan ini ialah seorang tentera bernama Baltaoglu Suleyman Bey. Beliau dilantik oleh Sultan Mehmed II sebagai ganjaran atas perkhidmatannya di Tanduk Emas (Golden Horn) semasa penawanan Kota Konstantinopel. Pada waktu tersebut, jawatannya hanya menyamai *sancak bey* dan juga menerima hasil sebagai Sancak Gallipoli sahaja. Selepas menempa kejayaan demi kejayaan dalam pertempuran melawan Kristian, Hayreddin Barbarossa menjadi pembawa arus perubahan kepada struktur organisasi tentera laut al-'Uthmaniyyah pada ketika itu.

Hanya semasa di bawah pimpinan Hayreddin, ketua armada mendapat gelaran dan pangkat '*beylerbeyi*' (ketua di antara ketua) serta diberikan hak untuk duduk dalam Majlis Diraja al-'Uthmaniyyah (Ottoman Imperial Council). Walaupun begitu, kedudukan tinggi dan keistimewaan yang diperoleh Hayreddin Barbarossa dianggap sebagai ganjaran peribadi yang diberikan sultan kepadanya sahaja atas kejayaannya menentang Andrea Doria. Pengganti seterusnya tidak mendapat keistimewaan seperti Hayreddin. Hal ini kerana, pengganti beliau seterusnya pada abad ke-16M dan 17M sebahagian besarnya hanya mempunyai pangkat *vezir* (*vizier*) yang agak rendah daripada dua *tug* (*horse-tail*). Tetapi, pada tempoh berikutnya, pangkat dan kuasa *vezir* secara muktamad dijadikan kepada tiga *tug*. Perkara ini terjadi sebahagiannya berpunca daripada kemerosotan struktur organisasi ketenteraan al-'Uthmaniyyah dan kuasa armada al-'Uthmaniyyah yang semakin melemah (Shaw, 1976). '*Tug*' atau *horse-tail* adalah standard komander tentera sebagai tanda pangkat; sultan mempunyai standard enam *tug*, *grand vezir* mempunyai lima *tug*, *vezir* pula berhak mendapat sebanyak tiga *tug*. Manakala, *pasha* dua *tug* dan *bey* satu *tug* (Bayerle, 2011).

Pangkat yang diperoleh Hayreddin tersebut telah dianugerahkan pada tahun 1518M oleh Sultan Selim I. Baginda telah menganugerahkan gelaran *Beylerbey* atau *Beylerbeyi* (Ketua atau Pemerintah Wilayah) kepada Hayreddin atas sifat kepimpinan, kemampuan dan bakat yang ditonjolkan. Disebabkan kedudukan Algeria sangat jauh daripada Istanbul, jelaslah bahawa pengurniaan *beylerbey* merupakan satu penghormatan dan pemberian kuasa autonomi yang besar. Hayreddin Barbarossa dan pengganti beliau seterusnya diberikan kuasa mutlak ke atas wilayah jajaannya walaupun masih terikat dengan kerajaan al-'Uthmaniyyah. Gelaran dan kuasa ini berterusan sehinggalah berlakunya pemberontakan Janissari pada awal abad ke-18M. Pengurniaan yang diberikan ini adalah satu amanah yang berat kerana kawasan yang perlu dijaga oleh Hayreddin semakin luas dan pada masa tersebut ancaman daripada tentera Kristian Sepanyol masih memuncak (Merriman, 1944).

Wilayah-wilayah di Kepulauan Aegean juga telah ditambah dan digabungkan untuk membentuk Wilayah Algeria (al-Cezayir). Kawasan-kawasan ini kemudiannya menggunakan sistem *timar* untuk menyediakan dana yang diperlukan kepada panglima tentera laut (Shaw, 1976). Dalam Kerajaan al-'Uthmaniyyah, tanah pada dasarnya dimiliki oleh Sultan dan telah disewakan kepada petani dan dikenakan cukai ke atasnya. Sehingga abad ke-16M, sistem percukaian masih banyak berlandaskan kepada institusi *timar* (Murat Birdal, 2010). Secara harfiah, '*timar*' mempunyai beberapa makna iaitu penjagaan, perkhidmatan, pembalut luka, dandanan kuda atau membaja tanah. Dari segi sosio-ekonomi pula, '*timar*' adalah pemberian tanah sebagai *fief* (*beneficium*) untuk perkhidmatan tentera (Redhouse, 1890). Pemberian tanah pada zaman tersebut sangat penting sebagai salah satu penggerak ekonomi dan dana ketenteraan melalui kutipan cukai yang dikenakan. Keuntungan yang berlipat kali ganda dapat dilihat daripada kaedah penghasilan dana ini. Oleh sebab itu, ianya berterusan dan dapat bertahan untuk tempoh masa yang lama.

Selepas memenangi banyak pertempuran, Kerajaan al-'Uthmaniyyah berjaya membentuk angkatan laut yang besar. Daripada angkatan laut yang besar ini, beberapa skuadron yang lebih kecil dibentuk. Misalnya, Kapten Kavala ditugaskan meronda utara Aegean, mereka terdiri daripada Gabenor Daerah Lesbos dan Rhodes. Laluan laut antara Mesir dan Istanbul pula dipegang oleh Panglima Mesir yang berpangkalan di Iskandariah



dan Suez. Akhir sekali, panglima daripada Yaman pula menjaga pintu masuk ke Laut Merah. Di samping itu, *flotila* yang lebih kecil pula beroperasi di Danube, Tigris, dan Sungai Furat (Agoston, 2012). Berbeza dengan gabenor di daerah lain, kebanyakan kapudan di Gallipoli dilantik memegang jawatan gabenor menjelang akhir kerjaya mereka selepas menjawat jawatan penting dalam pentadbiran negeri (Fleet et al., 2021). Penubuhan skuadron yang lebih kecil ini bertujuan untuk memudahkan pengurusan para tentera dari wilayah-wilayah berbeza.

Konklusinya, kemunculan Barbarossa bersaudara, Hayreddin dan Oruc serta beberapa pelaut Levant yang kurang dikenali tetapi sama berbahaya, di Mediterranean barat memberi peluang cerah kepada al-'Uthmaniyyah. Barbarossa Bersaudara dalam beberapa tahun sahaja berjaya membina pangkalan kuasa di Afrika Utara (Gurkan, 2010). Seterusnya, Hayreddin Barbarossa telah dilantik sebagai panglima utama angkatan tentera laut al-'Uthmaniyyah pada tahun 1533M berdasarkan pengalamannya dalam gerakan memerangi bangsa Kristian dan mempunyai pengikut yang ramai daripada wilayah Algeria dan Tunis. Sultan juga meletakkan semua armada al-'Uthmaniyyah di bawah pimpinan Hayreddin (Agoston, 2012; Inalcik, 2001). Pelantikannya juga adalah satu cara yang bijak dan cekap dari segi ekonomi untuk mengukuhkan lagi tentera laut al-'Uthmaniyyah dalam menjalankan sebarang aktiviti ketenteraan. Secara tidak langsung, Kerajaan al-'Uthmaniyyah dapat melebarkan lagi pengaruh politiknya sehingga ke Algeria dan Tunis (Agoston, 2012).

### **Pusat Operasi Armada al-'Uthmaniyyah**

Semasa tempoh awal penubuhan kerajaan, tiada negara besar yang menentang al-'Uthmaniyyah sama ada di Balkan atau di Anatolia. Tentera al-'Uthmaniyyah juga tidak bertemu mana-mana tentera salib Eropah, walaupun Paus telah mengisytiharkan perang salib menentang al-'Uthmaniyyah dalam *Bull 25* Disember 1366. Kerajaan Hungary menjadi saingan terkuat al-'Uthmaniyyah pada masa itu kerana Kerajaan Hungary berusaha meluaskan pemerintahannya di lembangan Danube yang lebih rendah. Akibatnya, negara-negara Kristian mempunyai kekuatan mengawal Selat Dardanelles, titik persimpangan antara Rumelia dan Anatolia. Semasa pemerintahan Sultan Bayezid I, Baginda menyekat Selat Bosphorus dengan membina Kubu Anadolu Hisar di titik paling sempit. Begitu juga di Gallipoli, mereka membina kubu dan pelabuhan di dalamnya yang dikelilingi oleh tembok serta menempatkan armada kecil di sana (Inalcik, 2001).

Pada tahun 1416M, tentera Venice muncul di hadapan Gallipoli dengan tujuan menceroboh dan membakar pelabuhan dan pangkalan tentera laut al-'Uthmaniyyah. Mereka tidak berputus asa dan semasa pemerintahan Sultan Mehmed II, akhirnya selat tersebut dapat dikuasai sepenuhnya. Tentera laut al-'Uthmaniyyah memainkan peranan penting dalam sejarah pembukaan Kota Konstantinopel pada 1453M terutama sekali semasa proses pengepungan kota tersebut. Peperangan dengan Venice ini juga telah membawa kepada perkembangan tentera laut al-'Uthmaniyyah (Inalcik, 2001). Selepas kewafatan Sultan Mehmed II, tampuk pemerintahan diteruskan oleh anaknya, Sultan Bayezid II (1481M-1512M). Bermula semasa pemerintahan Sultan Bayezid II inilah pusat operasi armada al-'Uthmaniyyah sedikit demi sedikit dilihat mulai berpindah ke Algeria berikutan wilayah berkenaan menjadi markas utama operasi Hayreddin Barbarossa.

Berbeza dengan bapanya yang menjalankan kegiatan pembukaan wilayah, Sultan Bayezid II lebih memilih untuk mengelak daripada terlibat dalam peperangan namun konflik yang tercetus tidak dapat dielakkan. Baginda menghabiskan sebahagian besar masanya di atas takhta berperang melawan saudaranya, Cem dan Kesultanan Mamluk (Shaw, 1976). Keadaan kacau-bilau di istana menyebabkan Sultan Bayezid II tidak dapat memberikan perhatian kepada seluruh tanah jajahan al-'Uthmaniyyah apatah lagi kepada Muslim di al-Andalus. Menurut Shaw (1976), pada tahun 1503M, gerakan jihad yang dijalankan oleh

Hayreddin Barbarossa dan abangnya, Oruc di di barat Laut Mediterranean itu telah menarik minat Sultan Bayezid II. Baginda memberikan sepenuh sokongan terhadap tindakan yang diambil oleh Barbarossa bersaudara tersebut. Sekurang-kurangnya dengan bantuan Hayreddin dan abangnya, Sultan Bayezid II dapat menumpukan fokus untuk mencari penyelesaian kepada pelbagai masalah yang berlaku di timur.

Keadaan Sultan Bayezid II yang sudah tua dan uzur menghalang baginda untuk mengawal dan meredakan keadaan. Puteranya, Selim dengan sokongan tentera Janissari berjaya memaksa bapanya menuruni takhta pada 24 April 1512M. Dengan penawanan Mesir oleh Sultan Selim I pada tahun 1516M-1517M, kuasa dan hegemoni al-'Uthmaniyyah telah mula dirasakan di Afrika Utara dan Sepanyol (Inalcik, 2001; Imber, 2002). Pada tahun 1512M, Sultan Bayezid II digulingkan oleh puteranya, Selim dan meninggal dunia pada tahun yang sama. Tetapi perjuangan dan kerjasama yang diasaskan oleh bapanya tidak dihentikan begitu sahaja malah dikembangkan lagi oleh Sultan Selim I semasa baginda memegang tampuk pemerintahan. Az-Zuhairi (2016) menyebut, Sultan Selim I seorang yang bijak dalam strategi politik kerana baginda sedar kemunculan Hayreddin Barbarossa di waktu yang tepat memainkan peranan besar dalam mempercepat langkah bergabungnya wilayah di Afrika Utara di bawah payung Kerajaan al-'Uthmaniyyah. Setakat tahun 1516M sahaja, Hayreddin dan abangnya sudah menguasai Jijel, Algeria dan Cherchell. Pada tahun 1517M pula, mereka melebarkan lagi sayap kekuasaan ke Tènés dan Tlemcen (Gurkan, 2010).

Sultan Selim I dan Hayreddin Barbarossa saling memerlukan antara satu sama lain. Baginda sememangnya mempunyai keinginan untuk meluaskan kekuasaannya ke Afrika Utara, manakala Hayreddin Barbarossa pula berada dalam keadaan terdesak untuk mendapatkan bantuan daripada mana-mana sumber yang dapat diperoleh bagi mengekalkan kekuasaannya di Mediterranean selepas abangnya, Oruc tewas dalam pertempuran melawan Sepanyol pimpinan Charles V pada 1518M. Persetujuan diperoleh dan perjanjian antara keduanya dimeterai. Namun, perjanjian ini tidak sepenuhnya membawa kebaikan kepada Hayreddin. Sebelumnya, Barbarossa bersaudara memerintah Algeria secara persendirian atau dalam kata lain, mereka telah mengiktiraf diri mereka sebagai Sultan Algeria dan tidak berada di bawah pemerintahan Kerajaan al-'Uthmaniyyah. Kuasa politik ditentukan sepenuhnya oleh mereka. Tetapi, selepas menjalinkan kerjasama dengan Sultan Selim I, Hayreddin Barbarossa kehilangan kemerdekaan politiknya tetapi beliau masih dapat mengekalkan kawalan ke atas wilayahnya (Merighi, 2020). Secara tidak langsung, Algeria menjadi wilayah lindungan (*vassal*) Kerajaan al-'Uthmaniyyah dan Hayreddin Barbarossa masih memegang jawatan sebagai pentadbir tempatan di sana.

### **Teknologi Peperangan Armada al-'Uthmaniyyah**

Teknologi mempersembahkan variasi definisi tidak hanya tertakluk kepada mesin, alat elektronik atau jentera sahaja. Kajian yang dibuat oleh Sazali et al. (2012) mendapati bahawasanya teknologi turut melibatkan komponen fizikal yang terdiri daripada item seperti produk, alatan, peralatan, pelan tindakan, teknik dan proses. Ia juga mempunyai hubungan secara langsung dengan ilmu pengetahuan yang menekankan kepada proses penyelidikan dan pembangunan. Teknologi sentiasa dikaitkan dengan mendapatkan hasil, menyelesaikan masalah dan menyelesaikan tugas tertentu menggunakan kemahiran dan pengetahuan tertentu. Ringkasnya, teknologi ini adalah satu produk, proses dan ilmu pengetahuan baharu yang diwujudkan bertujuan untuk menambahbaik dan menyelesaikan sesuatu masalah.

Dalam medan peperangan, teknologi terkini amat signifikan untuk diketengahkan kerana mempengaruhi kekuatan sesebuah pasukan semasa bertempur dengan musuh. Ketenteraan dan pertahanan pula merupakan elemen penting dalam mengukuhkan pentadbiran negara. Kekuatan ketenteraan dan pertahanan yang mantap bergantung

kepada pemikiran strategik dan juga pengurusan yang cekap (Burhanuddin et al., 2018). Bertepatan dengan kenyataan tersebut, terdapat hubungkait antara pemimpin dan tentera yang menjadi ciri-ciri utama kestabilan pentadbiran bagi sesebuah kerajaan. Teknologi tidak dapat menonjolkan hasil dan kemenangan yang besar sekiranya tiada pemimpin yang mampu mengurusnya dengan baik. Dalam kemelut melawan pihak Kristian, Kerajaan al-'Uthmaniyyah dapat mempertahankan kekuasaannya di laut dengan bantuan Hayreddin Barbarossa. Beliau yang sinonim dalam kalangan pengikutnya sebagai seorang yang berwibawa dan mempunyai kredibiliti yang baik telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya sebagai panglima tentera laut al-'Uthmaniyyah atas kebijaksanaannya dalam merancang strategi dan mencari titik kelemahan musuh.

Memandangkan Hayreddin Barbarossa telah menunjukkan kemampuannya memerintah Algeria, beliau dengan mudah mendapat kepercayaan pemerintah Kerajaan al-'Uthmaniyyah dan para penduduk. Oleh itu, Sultan Selim I meneruskan hubungan baik yang dibina oleh bapanya dengan pelaut persendirian seperti Hayreddin Barbarossa dengan melantiknya sebagai penaung di Algeria. Selain itu, Sultan Selim I juga mempunyai reputasi yang baik kerana dianggap sebagai khalifah bagi kaum Muslimin dan penjaga al-Haramayn (Az-Zuhairi, 2016; Agoston, 2015). Penduduk Algeria sendiri telah meminta kepada Sultan Selim I untuk memberikan perlindungan dan menjadikan Hayreddin Barbarossa sebagai pemimpin dan panglima umum mereka. Baginda telah memperkenan permohonan penduduk Algeria dan memberikan bantuan berupa peralatan dan pasukan tentera kepada beliau. Baginda juga membuka peluang kepada siapa sahaja yang ingin ke Algeria untuk bergabung dengan pasukan mujahidin di sana. Mereka turut menerima keistimewaan yang sama seperti tentera yang lain (Az-Zuhairi, 2016). Secara tidak langsung, hubungan ini menguatkan lagi pasukan al-'Uthmaniyyah serta kemenangan semakin menyebelahi pasukan Islam.

Kerajaan al-'Uthmaniyyah mencapai kemuncak penaklukan wilayah yang sangat luas apabila berjaya menguasai benua Asia khususnya bahagian Asia Barat serta Afrika khususnya bahagian Afrika Utara dan juga benua Eropah khususnya di bahagian Eropah Timur meliputi wilayah Balkan hingga ke Romania, Bulgaria dan Hungary (Somel, 2003). Pada zaman ini juga, kemunculan tokoh seperti Hayreddin Barbarossa membawa armada al-'Uthmaniyyah menuju ke alaf baharu serta sangat membantu Kerajaan al-'Uthmaniyyah menjaga perairan Laut Mediterranean daripada serangan musuh. Melalui penyelidikan yang dijalankan ini juga, kita dapat melihat perkembangan teknologi ketenteraan laut al-'Uthmaniyyah pada abad ke-16M seperti dalam teknologi pembuatan kapal, ilmu kartografi, ilmu pelayaran, perkembangan teknologi persenjataan dan sebagainya. Kehebatan Hayreddin Barbarossa dapat dibuktikan melalui kemenangan yang dicapai dalam ekspedisi ketenteraannya seperti dalam Perang Preveza yang menjadi salah satu daripada pertempuran laut terbesar yang pernah berlaku di Laut Mediterranean.

Pada tahun 1442M, al-'Uthmaniyyah mengekalkan 60 buah kapal di Gallipoli serta menjaga keselamatan sungai Danube dengan menempatkan tentera dan sekurang-kurangnya sebanyak 80 hingga 100 buah kapal jenis ringan di sana. Kekuatan tentera laut al-'Uthmaniyyah yang semakin meningkat ini memberi cabaran kepada Venice dan memaksa mereka untuk menguatkan lagi armada mereka sendiri (Inalcik, 2001). Di bawah pemerintahan Sultan Mehmed II dan Sultan Bayezid II (1481M–1512M), tentera laut al-'Uthmaniyyah menggunakan teknologi tentera laut yang biasa di Mediterranean iaitu menggunakan gali (*galley*), sejenis kapal dayung sebagai kapal utama mereka. Kapal layar al-'Uthmaniyyah biasanya mempunyai tiang tunggal dengan layar *lateen* (layar segi tiga yang dipasang pada sudut tiang). Seramai 24 hingga 26 pendayung akan mendayung menggunakan kedua-dua belah tangan. Pada sekitar tahun 1560an, Kerajaan al-'Uthmaniyyah mula mengikuti pesaingnya di Laut Mediterranean dengan menerima pakai sistem *al scaloccio*, iaitu semua pengayuh akan menarik dayung tunggal. Dengan kata lain, seorang pengayuh tidak lagi mendayung di kedua-dua arah tetapi hanya fokus kepada bahagian masing-masing sahaja. Ini bermakna, sistem baharu ini telah menambah bilangan

pendayung kapal. Kapal gali al-'Uthmaniyyah biasanya meletakkan meriam besar di tengah dan diapit oleh dua meriam yang lebih kecil (*culverin*) di sisinya (Agoston, 2012).

Selanjutnya, Hayreddin Barbarossa juga membina tembok di Algeria bagi mengekalkan kestabilan kapal dan barang-barang dagangannya. Pembinaan tembok ini bermula pada tahun 1525M, tahun yang sama beliau mula menduduki Algeria. Antara sebab utama yang mendorong pembinaan tembok pertahanan ini adalah berpunca daripada ancaman Charles V daripada Sepanyol yang ingin menakluk Algeria. Bagi menghalang niat jahat Kristian tersebut dapat direalisasikan, Hayreddin dengan kepintarannya telah mengubah Algeria yang dahulunya sebuah perkampungan yang tidak penting menjadi lokasi strategik pusat pengoperasian tentera laut dan mencapai kemuncak kegemilangannya semasa era pemerintahan Sultan Suleyman al-Qanuni. Tembok tersebut dibina bertentangan dengan bukit yang curam dan menghadap Laut Mediterranean. Beliau juga mengarahkan agar ketinggian dinding luar tembok dibina sekurang-kurangnya 30 kaki tinggi dan dilindungi oleh terusan di darat. Algeria boleh diumpamakan sebagai sebuah pelabuhan buatan manusia yang menghubungkan pintu masuk tepi laut ke istana berkubu di luar pantai (Heinsen-Roach, 2019).

Selain itu, Gelibolu (Gallipoli) pula dijadikan pusat senjata pertama bagi tentera laut al-'Uthmaniyyah dan memainkan peranan sebagai limbungan yang penting untuk pembinaan dan pembaikan kapal al-'Uthmaniyyah. Namun begitu, pada permulaan abad ke-16M, pusat senjata tentera laut berpindah ke Istanbul iaitu di pantai Tanduk Emas yang diwarisi dari Genoa Galata dan berkembang semasa pemerintahan Sultan Selim I. Lokasi terbaru ini menjadi pusat pembinaan dan penyelenggaraan kapal al-'Uthmaniyyah. Pada tahun 1550-an, 250 buah kapal boleh dibina atau dibaiki di sana pada satu masa. Selain Gallipoli dan Istanbul, terdapat limbungan kapal di Laut Marmara iaitu di Izmit, Sinop dan Samsun di Laut Hitam, Suez di Laut Merah, Birecik dan Basra masing-masing di Sungai Furat dan Shatt al-Arab. Jika dikira jumlah keseluruhan limbungan kapal termasuk limbungan yang lebih kecil, al-'Uthmaniyyah memiliki hampir 70 tapak untuk aktiviti pembinaan dan pembaikan kapal pada abad ke-16M (Agoston, 2012).

Saiz tentera laut al-'Uthmaniyyah sudah cukup mengagumkan di bawah era pemerintahan Sultan Mehmed II, sebanyak 380 buah kapal gali dikerahkan menentang Pelabuhan Crimea yang ditadbir oleh Genoa di Bandar Kaffa pada tahun 1475M. Pada tahun 1499M-1503M, tercetus perang di antara al-'Uthmaniyyah dan Venice, Sultan Bayezid II telah menguatkan lagi angkatan tentera laut al-'Uthmaniyyah dengan memerintahkan pembinaan lebih daripada 250 buah kapal gali. Penyusunan semula tentera laut al-'Uthmaniyyah di bawah Sultan Bayezid II mengubah bentuk tentera al-'Uthmaniyyah yang asalnya berasaskan kekuatan tentera darat menjadi kuasa tentera laut yang menggerunkan. Tentera laut memainkan peranan penting dalam menghentikan perluasan kuasa Portugis di Laut Merah dan Teluk Parsi serta membantu dalam penaklukan al-'Uthmaniyyah ke atas Mamluk Mesir pada 1516M-1517M (Agoston, 2012). Peranan armada al-'Uthmaniyyah semakin berkembang pada tahun-tahun berikutnya dan Hayreddin juga terlibat secara langsung dalam pembuatan kapal yang digunakan untuk berperang. Selain daripada teknologi pembuatan kapal, Hayreddin juga menekankan teknologi persenjataan seperti senapang dan meriam. Ilmu kartografi, geografi dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan pelayaran lain juga memainkan peranan penting bagi memastikan kemenangan dalam setiap ekspedisi peperangan (Imber, 1996; Polat, 2015).

Menurut Inalcik (2001), Sultan Bayezid II telah memodenkan lagi pasukan tentera darat dan tentera laut al-'Uthmaniyyah khasnya melalui penggunaan senjata api sehingga membolehkan Sultan Selim I kemudiannya mendapatkan kemenangan dalam pertempuran menghadapi Ismail di Iran dan Mamluk di Mesir. Pemodenan yang dibuat oleh Sultan Bayezid II sangat penting dan menyumbang kepada penaklukan hebat Sultan Selim I dan Sultan Suleyman I pada tahun-tahun berikutnya. Baginda juga sedar akan kelemahan tentera laut al-'Uthmaniyyah. Kejayaan yang dicapai oleh bapanya, Sultan Mehmed II di laut sangat bergantung kepada saiz, jenis, jumlah kapal serta bilangan tentera. Justeru,

Sultan Bayezid II telah meningkatkan saiz armada al-'Uthmaniyyah dan melantik individu yang berpengalaman untuk menjadi panglima tentera laut. Tindakan yang diambil oleh Sultan Bayezid ini merupakan satu langkah bijak kerana ianya menjadi pembuka kepada teretusnya hubungan erat dan jalinan kerjasama antara para pelaut persendirian dengan Kerajaan al-'Uthmaniyyah (Imber, 2002).

## KESIMPULAN

Kajian mengenai tentera laut al-'Uthmaniyyah pada abad ke-16M amat penting kerana dalam tempoh ini Kerajaan al-'Uthmaniyyah menjadi satu-satunya kuasa tentera laut terkuat sehingga digeruni oleh orang Kristian. Sifat kepimpinan Hayreddin Barbarossa menjadi kunci utama kepada kemenangan dalam pertempuran laut yang disertai. Beliau bijak dalam merancang strategi dan seorang yang berpengalaman luas. Sifat kepimpinannya sudah dipupuk sejak awal kerana beliau banyak terlibat dalam kegiatan jihad membantu penduduk Islam al-Andalus. Selepas berjaya mengasaskan tapak pemerintahan di Algeria dan membentuk pengikut yang ramai, Hayreddin mengukuhkan lagi kekuasaannya dengan menjalinkan kerjasama dengan Sultan al-'Uthmaniyyah. Secara tidak langsung, pelbagai kelebihan dapat dinikmati oleh armada al-'Uthmaniyyah sendiri. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran terhadap perkembangan armada al-'Uthmaniyyah pada abad ke-16M di bawah pimpinan Hayreddin Barbarossa.

Selain itu, sebahagian besar penyelidikan berkenaan sejarah al-'Uthmaniyyah hanya melihat sumbangan dari ketua negara atau sultan sahaja sedangkan terdapat panglima tentera yang turut berperanan penting memastikan pertahanan negara terus kukuh. Jika dibandingkan kajian antara tentera darat dan tentera laut al-'Uthmaniyyah, penelitian mengenai tentera laut masih sedikit dan tidak begitu popular lebih-lebih lagi dalam kalangan pengkaji sejarah di Malaysia. Oleh itu, berdasarkan kelompongan yang berlaku, pengkaji berhasrat mengembangkan lagi perbincangan mengenai kekuatan ketenteraan Hayreddin Barbarossa dalam armada Kerajaan al-'Uthmaniyyah kerana kajian-kajian sebelum ini masih belum mencukupi untuk merungkai isu yang ingin diketengahkan.

## RUJUKAN

- A Rahman, P.N. (2011). Muslims of Andalus after the Fall of Granada: The Catholic Policy of Destruction of Islam (898-934 Ah /1492-1525 C.E.). Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan, International Islamic University of Malaysia.
- Abulafia, D. (2011). *The Great Sea: A Human History of the Mediterranean*. Oxford: Oxford University Press.
- Agoston, G. (2012). Ottoman Military Organization (up to 1800). Dlm. Martel, G. (pnyt.). *The Blackwell Encyclopedia of War, First Edition* (hlm. 1–9). Hoboken: Blackwell Publishing Ltd.
- Agoston, G. (2015). The Ottoman Empire and Europe. Dlm. Scott, H. (pnyt.). *The Oxford Handbook of Early Modern European History, 1350-1750, Volume II Cultures & Power* (hlm. 472-490). Oxford: Oxford University Press.
- Agoston, G. (2022). Ottoman Military and Naval Power in Comparative Perspective: Before and After Lepanto. *Turkish Journal of History*, 76, 1-19.
- Atcil, M.Z. (2015). State and Government in the Mid-Sixteenth Century Ottoman Empire: The Grand Vizierates of Rüstem Pasha (1544-1561). Tesis Dr. Fal. Tidak Diterbitkan, Department of Near Eastern Languages and Civilizations, The University of Chicago.
- Az-Zuhairi, S.A.A. (2016). *Khairuddin Barbarossa: Pahlawan Islam Penguasa Lautan*. Pustaka Al-Kautsar.

- Bayerle, G. (2011). *Pashas, Begg, and Effendis: A Historical Dictionary of Titles and Terms in the Ottoman Empire*. Piscataway: Gorgias Press.
- Birdal, Murat. (2010). *The Political Economy of Ottoman Public Debt: Insolvency and European Financial Control in the Late Nineteenth Century*. London: Tauris Academic Studies.
- Bostan, I. (2007). *Ottoman Maritime Arsenals and Shipbuilding technology in the 16th and 17th centuries*. Manchester: Foundation for Science Technology and Civilisation.
- Burhanuddin Jalal, Azlan Iskandar Abdul Ghani, Sayuti Ab Ghani, Amnah Saayah Ismail, Mohd Kamarul Amree Mohd Sarkam, & Mohamed Shah Hussin Shah. (2018). Pemikiran Strategik Ketenteraan Berdasarkan Teks Arab Klasik 'Tafrij al-Kurub fi Tadbir al-Hurub' oleh Umar ibn Ibrahim al-Awasi 1353-1408M. *Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*. 1(2), 71–81.
- Casale, G. (2010). *The Ottoman Age of Exploration*. Oxford: Oxford University Press.
- Derradj, D.M. (2012). *al-Dukhul al-'Uthmani ila al-Jaza'ir wa Dawr al-Ikhwah Barbaros*. Al-Jaza'ir: Ellassala Edition & Distribution.
- Fleet, K., Krämer, G., Matringe, D., Nawas, J. & Rowson, E.K. (2021). *The Encyclopaedia of Islam*. Leiden: Brill.
- Gürkan, E.S. (2006). Ottoman Corsairs in the Western Mediterranean and Their Place in the Ottoman-Habsburg Rivalry. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan, The Department of History, Bilkent University Ankara.
- Gürkan, E.S. (2010). The Centre and the Frontier: Ottoman Cooperation with the North African Corsairs in the Sixteenth Century. *Turkish Historical Review*. 1(2), 125–163.
- Gurkan, E.S. (2012). Espionage in the 16th century Mediterranean: Secret Diplomacy, Mediterranean go-betweens and the Ottoman-Habsburg Rivalry. Tesis Dr. Fal. Tidak Diterbitkan, Faculty of the Graduate School of Arts and Sciences, Georgetown University.
- Hamadi, A. (2009). *Sirah al-Mujahid Khayr al-Din Barbaros*. Dar al-Qasbah li al-Nashr (Casbah Edition).
- Heinsen-Roach, E. (2019). *Consuls and Captives: Dutch-North African Diplomacy in the Early Modern Mediterranean*. Rochester & Woodbridge: University of Rochester Press & Boydell & Brewer.
- Hergul, I.C. (2019). Development of the Ottoman Maritime Technology in the Sixteenth and Seventeenth Centuries. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan, Graduate School of Social Sciences, Middle East Technical University, Turkey.
- Howard, D.A. (2017). *A History of the Ottoman Empire*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Imber, C. (1996). *Studies in Ottoman History and Law*. Istanbul: The Isis Press.
- Imber, C. (2002). *The Ottoman Empire, 1300-1650: The Structure of Power*. London: Palgrave Macmillan.
- İnalçık, Halil. (2001). *The Ottoman Empire the Classical Age 1300–1600*. Phoenix.
- Isom-Verhaaren, C. (2007). "Barbarossa and His Army Who Came to Succor All of Us": Ottoman and French Views of Their Joint Campaign of 1543-1544. *French Historical Studies*. 30(3), 395-425.
- Karzek, S.A. (2021). Ottoman Corsairs in the Central Mediterranean and the Slave Trade in the 16th Century. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan, Department of History Ihsan Dogramaci Bilkent University, Ankara.
- Kiel, M. (2018). The Medrese and Imaret of Hayreddin Barbarossa on the Island of Lesbos / Midilli: A Little-Known Aspect of the Cultural History of Sappho's Island under the Ottomans (1462–1912). *Shedet*. 5(5), 162–176.
- Klarer, M. (2019). *Piracy and Captivity in the Mediterranean: 1550-1810*. London: Routledge.

- Ladja, T. & Bensaid, B. (2014). A Cultural Analysis of Ottoman Algeria (1516-1830): The North–South Mediterranean Progress Gap. *Islam and Civilisational Renewal*. 5(4), 567-585.
- Mcdougall, J. (2017). *A History of Algeria*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mercieca, S. (2010). The Battle of Preveza 1538: The Knights of Malta's Perspective. Preveza B. Proceedings of the Second International Symposium for the History and Culture of Preveza, 16-20 September 2009, Preveza.
- Meriem, B & Derradj, D.M. (2021). al-'Alaqah al-'Askariyyah bayn al-Dawlah al-'Uthmaniyyah wa Iyalat al-Jaza'ir 1520-1830 al-Tajnid al-'Askari Namudhajan. *Majallat al-'Ibar li al-Dirasat al-Tarikhiiyyah wa al-Athariyyah fi Shimal Ifriqiyya*. 4, 554-574.
- Merighi, M. (2020). The Crest of Islamic Sea Power. Dlm. Roorda, E. (pnyt.). *The Ocean Reader: History, Culture, Politics* (hlm. 210-214). New York: Duke University Press.
- Merriman, R. (1944). *Suleiman the Magnificent, 1520-1566*. Cambridge and London: Harvard University Press.
- Mitos, I. (2016). Between Fact and Fiction in the Mediterranean: Revisiting the History, Legend, and Legacy of Barbarossa. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan, University of the Peloponnese.
- Muradi, Seyyid. t.th. *Gazavat-I Hayreddin Pasa*. t.tp. t.pt.
- Pedani, M.P. 2017. *The Ottoman-Venetian Border (15th-18th Centuries)*. Terj. Sala, M. Venice: Edizioni Ca' Foscari.
- Polat, G. (2015). An Anonymous Ottoman Compendium on Nautical Instruments and Navigation: Kitabu'l-Mururi'l-Ubur fi Ilmi'l-Berri Ve'l-Buhur. *Mediterranea-Ricerche Storiche*. 34, 375-400.
- Redhouse, J.W. (1890). *A Turkish and English Lexicon*. Constantinople: American Mission.
- Reis, Piri. t.th. *Kitab-I Bahriyye*. Jil. 1. t.tp. t.pt.
- Reis, Piri. t.th. *Kitab-I Bahriyye*. Jil. 2. t.tp. t.pt.
- Sazali Abdul Wahab, Raduan Che Rose & Suzana Idayu Wati Osman. (2012). Defining the Concepts of Technology and Technology Transfer: A Literature Analysis. *International Business Research*. 5(1), 61-71.
- Shaw, S.J. (1976). *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey Volume I: Empire of the Gazis: The Rise and Decline of the Ottoman Empire, 1280-1808*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shaw, S.J. (1976). *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey Volume I: Empire of the Gazis: The Rise and Decline of the Ottoman Empire, 1280-1808*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Somel, S.A. (2003). *Historical Dictionary of the Ottoman Empire*. Lanham: Scarecrow Press.
- Soucek, S. (2012). Five Famous Ottoman Turks of the Sixteenth Century. *Osmanlı Araştırmaları*. 40(40), 325–341.
- Wilson, W. de A. (2019). Khayr al-Din Barbarossa: Clashing Portraits of a Corsair-King. Dlm. Klarer, Mario (pnyt.). *Piracy and Captivity in the Mediterranean 1550-1810* (hlm. 223-233). London: Routledge.